

NO. SOALAN : 187

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

SOALAN :

YB. Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah kadar kedatangan pelancong meningkat pada tahun lepas berbanding tahun sebelumnya sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 dan apakah kesan insiden MH 370 dan MH 17 terhadap kedatangan pelancong luar negara ke Malaysia pada tahun 2014.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, Malaysia telah menerima seramai **27.4 juta** orang pelancong asing walaupun tidak mencapai sasaran **28 juta** orang pelancong, ia masih merupakan peningkatan sebanyak **6.7 peratus** berbanding dengan tahun 2013.

Insiden pesawat MH 370 dan MH 17 telah memberi impak secara terus kepada ketibaan pelancong asing dari China ke Malaysia. Ketibaan pelancong asing dari China telah merekodkan penurunan setiap bulan iaitu mulai April hingga September dan bulan Disember 2014. Namun, pasaran berjaya merekodkan prestasi positif pada bulan Oktober dengan peningkatan sebanyak **+5.9 peratus** dan November dengan peningkatan sebanyak **+13.7 peratus**. Untuk keseluruhan tahun 2014, Malaysia hanya menerima sejumlah **1.6 juta** orang pelancong dari China, penurunan **9.9 peratus** berbanding dengan tahun 2013 .

Pasaran Taiwan juga telah mengalami impak yang negatif ekoran insiden tersebut. Ketibaan pelancong asing dari Taiwan telah mencatatkan penurunan pada bulan April, Mei, Jun, September, Oktober, November dan Disember 2014. Sehingga penghujung tahun, Malaysia telah menerima sejumlah **274,665** orang pelancong asing dari Taiwan dengan penurunan sebanyak **4.1 peratus** berbanding tahun 2013.

Namun, ketibaan pelancong asing daripada pasaran ASEAN meningkat dengan sebanyak **+6.6 peratus** dan dari Eropah sebanyak **+12.4 peratus** yang telah dapat mengurangkan impak kemerosotan pasaran China dan Taiwan dan membantu Malaysia mencapai peningkatan ketibaan pelancong secara keseluruhannya untuk tahun 2014.

Sekian, terima kasih.